

# Suhakam: Kajian kebolehlaksanaan projek di sesebuah kawasan perlu dilakukan

NST 08.06.2012 4

KOTA KINABALU: Kajian kebolehlaksanaan projek di sesebuah kawasan perlu dilakukan secara terperinci dengan mengambil kira status sosioekonomi penduduknya sebelum dilaksanakan.

Menurut pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr. Fadzillah Majid-Cooke (gambar), kajian kebolehlaksanaan projek ini boleh digunakan sebagai penanda aras kepada tahap kejayaan sesuatu projek terutamanya projek besar-besaran.

"Berdasarkan pengalaman, pihak kami tidak pernah menemui sebarang bukti yang menyatakan kajian seumpama ini telah dilaksanakan," kata Fadzillah ketika memberi taklimat mengenai Model Pembangunan Tanah di Sabah pada hari keempat Sesi Pendengaran Awam, Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan (Suhakam), di Wisma Sedco, di sini, kelmarin.

Beliau yang menjalankan penyelidikan selama 18 bulan mengenai Hak Tanah Orang Asal atau Asli di Sabah menyatakan, kajian perlu dilaksanakan selama dua atau tiga tahun sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan bagi membolehkan pihak pengurusan projek mengetahui pasti status sosioekonomi penduduk sebelum projek dilaksanakan dan satu lagi kajian semula harus dijalankan selepas projek tersebut mendatangkan hasil.



"Misalnya, projek penanaman kelapa sawit yang mengambil masa lebih kurang 7 tahun untuk mengeluarkan hasil, maka perlu ada pihak untuk mengkaji adakah penduduk di kampung berkenaan semakin kaya atau semakin miskin sebelum dan selepas tujuh tahun itu," katanya.

Beliau juga turut mencadangkan agar pihak yang ingin menjalankan projek di kampung supaya tinggal dalam kawasan terbabit untuk sesuatu tempoh dan memahami keadaan serta keperluan komuniti setempat.

Jelasnya lagi, jika ada pihak yang menjalankan projek besar-besaran adalah lebih baik jika mereka bekerjasama dengan penduduk kampung bagi memudahkan kerja masing-masing dan mencapai persefahaman.

"Ada pihak yang mudah membuat kesimpulan dengan menyatakan orang kampung enggan bekerjasama dan mengambil jalan mudah mengubah tenaga kerja asing... jika kita betul-betul memahami penduduk tersebut, kemungkinan mereka memerlukan pekerjaan dan mungkin dengan adanya projek itu, peluang pekerjaan dapat disediakan kepada mereka," jelasnya lagi.

Sementara itu, sesi Pendengaran Awam mini merupakan salah satu cara untuk Suhakam dalam menjalankan proses Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia.

Sesi Pendengaran Awam di Sabah ini dijalankan selama 10 hari bermula dari 4 hingga 16 Jun di mana sesi dialog dengan Orang Asal/Asli yang hadir bersama dengan beberapa NGO, sektor swasta dan wakil-wakil kerajaan negeri dan Persekutuan diperdengarkan. **-OLEH BALQIS JA-MALUDIN** (balqis@newsabah-times.com.my)